



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL, ROZIANA BINTI HAJI MAHMUD &
AMPUAN HAJI BRAHIM BIN AMPUAN HAJI TENGAH

Transformasi Pendidikan di Brunei Darussalam, 1914 – 2020: Penelitian Sepintas Lalu

RINGKASAN: Negara Brunei Darussalam telah banyak mengalami transformasi pendidikan, yang diawali dengan pendidikan balai hingga sekarang. Sistem pendidikan balai tahap demi tahap kemudiannya diganti oleh pendidikan formal dengan kewujudan sekolah Melayu, Inggeris, dan Agama. Pendidikan sentiasa berubah dan berkembang dari Sekolah Rendah ke peringkat pengajian tinggi dalam bidang sains sosial, teknikal dan vokasional, serta agama. Perkembangan dan perubahan ini diselaraskan dengan pembentukan dasar-dasar Pendidikan, yang bermula pada tahun 1954. Dasar ini penting kepada mencapai matlamat pendidikan bagi melahirkan sumber tenaga manusia berkemahiran yang diperlukan dalam pembangunan negara, di samping mencapai Wawasan 2035. Perubahan ini juga mesti selari dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja) agar pencapaian pendidikan Negara Brunei Darussalam terus cemerlang. Dengan itu pula rakyatnya akan terus menikmati kesejahteraan, keamanan, dan kebahagiaan, bukan sahaja di dunia tetapi juga di alam akhirat.

KATA KUNCI: Islam; Pendidikan; Transformasi; Melayu Islam Beraja; Brunei Darussalam.

ABSTRACT: “Educational Transformation in Brunei Darussalam, 1914 – 2020: A Brief Review”. Brunei Darussalam has experienced many educational transformations, starting with “balai” education until now. The “balai” education system was gradually replaced by formal education with the existence of Malay, English, and Religious schools. Education is constantly changing and developing from Primary School to higher education in the fields of social sciences, technical and vocational, and religion. These developments and changes are coordinated with the formation of Education policies, which began in 1954. These policies are important to achieving the goal of education to produce skilled human resources needed in national development, in addition to achieving Vision 2035. These changes must also be in line with the MIB (Malay Islamic Monarchy) concept so that Brunei Darussalam's educational achievements continue to excel. With that, its people will continue to enjoy prosperity, peace, and happiness, not only in this world but also in the hereafter.

KEY WORD: Islam; Education; Transformation; Malay Islamic Monarchy; Brunei Darussalam.

About the Authors: Prof. Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail, Dr. Roziana binti Haji Mahmud dan Prof. Dr. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah ialah Pensyarah di APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, Gadong, BE 1410, Negara Brunei Darussalam. Alamat emel: asbol.mail@ubd.edu.bn

Suggested Citation: Mail, Haji Awang Asbol bin Haji, Roziana binti Haji Mahmud & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. (2026). “Transformasi Pendidikan di Brunei Darussalam, 1914 – 2020: Penelitian Sepintas Lalu” dalam ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Volume 16(1), Juni, pp.15-42. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Suci Foundation dan ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional) with print-ISSN 2088-1290 and online-ISSN 2714-6243.

Article Timeline: Accepted (1 April 2026); Revised (2 Mei 2026); Published (30 Juni 2026).

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu proses melatih jasmani dan rohani dalam membentuk setiap manusia supaya menjadi seorang yang berakhlak mulia, kuat pegangan agama, pegangan nilai-nilai budaya yang luhur, Amanah, dan jujur. Bagi Ibnu Khaldun (1982), seorang sarjana Islam tersohor, dan sarjana lainnya, mengatakan bahawa pendidikan merupakan salah satu cara meningkatkan kecerdasan manusia. Ia dapat membantu memajukan masyarakat hingga mencapai tamadun tinggi. Pada kebiasaannya, setiap individu akan menghadapi tiga jenis proses pendidikan sepanjang hayatnya iaitu pendidikan tidak formal, pendidikan bukan formal, dan pendidikan formal (cf Khaldun, 1982; Mail, 2006:16; Muhammad & Halim, 2009:84; Hidayat, 2019).

Pendidikan tidak formal adalah pendidikan yang diperolehi menerusi pengalaman, pertuturan, pendengaran, dan pembacaan. Lazimnya pendidikan seperti ini diperolehi melalui ibu bapa, sebelum anak-anak mereka memasuki alam persekolahan. Pendidikan bukan formal pula adalah segala bentuk kegiatan pendidikan yang teratur bagi sesuatu golongan berdasarkan kepada keperluan mereka. Misalnya kelas ugama di rumah, masjid, balai, istana, kelas muzik, dan kursus dalam perkhidmatan seperti kursus- kursus pendek. Pendidikan formal pula adalah satu corak pendidikan yang diungkayahkan di bawah kawalan Jabatan Pelajaran atau Kementerian Pendidikan melalui institusi, seperti sekolah, maktab, vokasional, dan universiti. Pendidikan swasta juga boleh dianggap sebagai pendidikan formal, kerana ia dilaksanakan menggunakan sistem pentadbiran yang teratur dan mengikut undang-undang yang ditetapkan, sama ada diolahnya sendiri mahupun dari pihak kerajaan. Tambahan pula, matlamat pendidikan swasta biasanya seiring dengan dasar-dasar pendidikan yang digubal oleh kerajaan (Damit, Mail & Tengah, 2014:2).

Pada mulanya, pendidikan Brunei hanya tertumpu kepada sistem pendidikan tidak formal dan bukan formal. Apabila sistem pentadbiran Residen British diperkenalkan di Brunei pada tahun 1906 bagi membantu Sultan Hashim (1885-1906 Masihi) mentadbir negara, di mana segala nasihat Residen mestilah diikuti, kecuali dalam hal ehwal agama Islam, maka ia telah mempengaruhi politik, ekonomi, dan sosial Brunei. Dalam bidang sosial, ia telah mempengaruhi sistem pendidikan Brunei dengan memperkenalkan pendidikan formal dengan penubuhan Sekolah Melayu pertama pada tahun 1914. Pendidikan formal ini perlu diwujudkan, kerana menurut laporan pihak British pada tahun 1911, adalah sangat sangat sukar bagi memperoleh orang Melayu yang pandai membaca dan

menulis, terutama dalam huruf Rumi. Hal ini menyebabkan Residen susah untuk mengambil penduduk tempatan untuk berkhidmat dengan kerajaan (*Brunei Annual Report, 1915:5*).

Dalam menangani masalah ini, akhirnya pihak British mengambil inisiatif dengan memperkenalkan pendidikan formal dengan menubuhkan sekolah Melayu, seperti dijelaskan di atas. Tujuan sekolah Melayu ini ditubuhkan bagi membolehkan anak-anak Melayu Brunei memperoleh kemahiran membaca, menulis, dan mengira supaya dapat diambil berkhidmat dengan kerajaan. Ia juga untuk mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka sebagai petani atau nelayan. Sekolah ini juga bertujuan supaya anak-anak Melayu pandai menepati masa dan menjaga kebersihan (*Brunei Annual Report, 1919:4*).

Artikel ini merupakan pengajian kualitatif dengan kaedah sejarah dan teknik kupasan sorotan literatur (*Creswell, 1994; Zed, 2008; Sjamsuddin, 2014*). Ianya mahukan mendedahkan dan mengupas mengenai transformasi Pendidikan di Negara Brunei Darussalam pada period 1914 (kurun ke-20 Masihi) hingga 2020 (kurun ke-21 Masihi).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pendidikan Islam Bukan Formal. Sebelum sistem pentadbiran Residen British wujud di Brunei, sistem pendidikan Brunei lebih tertumpu kepada pendidikan Islam, yang dilaksanakan dalam bentuk pendidikan bukan formal. Pendidikan Islam adalah suatu pendidikan yang mengajarkan aspek-aspek berkaitan dengan keugamaan. Misalnya, membaca Al-Quran, belajar hukum-hakam Islam, terutama dalam bentuk asas seperti ibadat, sejarah Islam, tauhid, dan adab. Tujuan utama pendidikan ugama Islam ialah bagi melahirkan umat Islam yang bertaqwa kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dengan mengerjakan suruhannya dalam bentuk *fardhu ain* dan *kifayah* agar kehidupan mereka berbahagia di Dunia dan di Akhirat (*Mail, 2006:17*).

Pendidikan Islam ini pada awalnya diperkenalkan oleh para Mubaligh luar yang berkunjung ke Brunei. Kebanyakan mereka ini berasal daripada Arab, Parsi, dan India. Mereka inilah yang menyebarkan Islam melalui pendidikan kepada masyarakat Brunei. Mereka menyebarkan ugama ini, sama ada sambil berniaga mahupun bertindak sebagai pendakwah. Peranan mereka ini kemudiannya disertai oleh ulama-ulama dari rantau Alam Melayu. Apabila ada anak-anak tempatan yang mempunyai kebolehan dalam pengetahuan ugama Islam, setelah berguru dengan Mubaligh luar, maka mereka juga turut berperanan menyebarkan Islam melalui pendidikan. Mereka ini ada yang berdakwah

hingga ke Filipina dan Sulu. Sementara itu ada di antara mereka yang merantau dan menuntut di luar negeri hingga ke Mekah, kerana ingin mendalami ilmu-ilmu Islam. Anak-anak tempatan yang sudah menjadi ulama ini, sama ada bertaraf Menteri Ugama atau orang biasa, telah berperanan mengajarkan ilmu ugama, seperti *Fardhu Ain*, Rukun Islam, Rukun Iman, dan mengaji Al-Quran kepada masyarakat Brunei (Juned, 1992:xxxix-xi).

Pada mulanya, aktiviti pendidikan Islam hanya dijalankan di istana dan di rumah-rumah persendirian para ulama. Namun, apabila bilangan orang menganut ugama Islam semakin bertambah, maka yang berminat untuk mempelajari ugama Islam bertambah ramai. Akhirnya, pengajarannya dipindahkan ke surau-surau, masjid-masjid, dan balai-balai. Sistem pendidikan balai, seperti pendidikan pondok di Malaysia dan pesantren di Indonesia, adalah sebuah institusi pendidikan Islam yang berpengaruh besar terhadap kelahiran tokoh-tokoh ugama dan perkembangan Islam di Brunei sebelum munculnya sistem pendidikan formal. Walau bagaimanapun, sejak tertubuhnya Sekolah Rendah Ugama penuh pada 16 September 1956 oleh Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1950-1967), maka sistem pendidikan balai telah pupus di Brunei (UBD, 2003:285-286).

Pendidikan Islam Formal. Sungguhpun sekolah Melayu sudah ada pada tahun 1914, namun pendidikan ugama Islam belum mendapat tempat dalam jadual waktu belajar di sekolah tersebut. Senario ini berlaku kerana pentadbiran Residen British kurang mengambil perhatian berat terhadap perkembangan pendidikan. Mereka lebih mengutamakan pembangunan sosio-ekonomi Brunei (Brunei Annual Report, 1914).

Pada tahun 1931, kesedaran untuk memasukkan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran di Sekolah Melayu di Bandar Brunei telah wujud. Idea ini telah disuarakan dan diungkayahkan oleh tiga orang pembesar Brunei yang bernama, Pengiran Bendahara Abdul Rahman, Pengiran Pemancha Haji Mohd Yassin, dan Pengiran Shahbandar Hashim. Dengan perlaksanaan ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembesar telah menyedari kepentingan pendidikan ugama sebagai satu mata pelajaran yang perlu dipelajari dan diajar secara formal agar lebih berkesan kepada generasi muda Brunei (Damit, Mail & Tengah, 2014:107-108).

Pada awalnya pendidikan ugama Islam hanya diajarkan selepas menunaikan *fardhu* Jumaat. Ia hanya dikategorikan sebagai mata pelajaran sampingan dan tidak dimasukkan ke dalam jadual harian pelajaran sekolah. Selain itu, guru-guru yang mengajarkan mata pelajaran

pendidikan agama Islam ini juga terdiri daripada pegawai-pegawai masjid yang memiliki pengetahuan agama yang baik dan pandai menulis serta membaca tulisan Jawi (JPI, 1996).

Pada tahun 1936, Marsal bin Maun yang berkhidmat sebagai Penguasa Pelajaran Melayu telah memperbaiki kedudukan pendidikan agama di Sekolah Melayu di Bandar Brunei. Beliau merancang untuk memasukkan mata pelajaran agama ke dalam jadual harian belajar dan mata pelajaran ini diajarkan dua kali seminggu. Walau bagaimanapun, ia masih dianggap sebagai mata pelajaran sampingan.

Sehingga tahun 1964, mata pelajaran agama tidak hanya diajarkan di Sekolah Melayu, malah juga diajarkan di Sekolah Inggeris Kerajaan. Masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran ini adalah selama dua jam tiga puluh minit, sama ada sekali atau dua kali dalam seminggu. Disebabkan mata pelajaran agama hanya berstatus mata pelajaran sampingan, maka pelajar tidak dikehendaki menduduki peperiksaan, seperti mata pelajaran umum yang lain (Damit, Mail & Tengah, 2014:108).

Sejak Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien memerintah Brunei, baginda telah banyak membuat perubahan dan kemajuan. Salah satunya adalah memperbaiki perkembangan pendidikan Islam dengan tujuan meningkatkan penghayatan Islam di kalangan rakyat Brunei, yang bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Pada tahun 1955, Kerajaan Brunei telah mendatangkan dua orang pegawai agama Johor, iaitu Osman bin Mohd Said dan Ismail bin Omar Abdul Aziz bagi mengkaji dan menilai keberkesanan pendidikan Islam di Brunei. Dari hasil penelitian mereka didapati bahawa kelemahan pendidikan Islam di Brunei adalah masa pengajaran dan pembelajarannya kurang mencukupi dan perlu diperbaiki.¹

Salah satu cadangan yang disarankan adalah mendirikan sebuah Sekolah Rendah Agama atau Sekolah Agama Khas bagi memberikan peluang pembelajaran pendidikan Islam dipanjangkan dari pukul dua hingga lima petang kepada tiga sesi pembelajaran. Cadangan ini akhirnya dipersetujui oleh Kerajaan Brunei dan pada bulan September 1956 telah didirikan Sekolah Rendah Agama di seluruh negara (JPI, 1996).

Tujuan utama Sekolah Rendah Agama ini ditubuhkan telah dijelaskan di dalam titah Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, seperti berikut:

¹Lihat "Penyata Lawatan Pegawai-pegawai Agama Johor ke Sekolah-sekolah Melayu Negeri Brunei pada Tahun 1955 (Fail SCRWO 11/55) bertarikh 5 Februari 1955", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis.

²Lihat "Penyata Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Brunei bagi tahun 1956-1958", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis, ms.iv.

Sudah patut masanya tiap-tiap sekolah Melayu dan Inggeris yang ada dalam Negeri Brunei ini diadakan pelajaran agama di sebelah petang oleh kerana menolakan berbagai-bagai bencana dan fitnah pesona yang didatangkan oleh pihak yang tidak disukai atas ketenteraman dan keelokan akhlak anak-anak bumi putera-puteri negeri ini, khususnya dalam pelajaran agama itu berbagai ajaran dan didikan cara-cara memperbaiki perjalanan hidup supaya tidaklah seorang itu tercebur dalam lembah kehinaan.²

Di awal penubuhan Sekolah Rendah Agama ini adalah dengan menumpang menggunakan sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris Kerajaan, yang kesemuanya terletak di kawasan bandar dan pekan. Mata pelajaran agama yang diajarkan di Sekolah Rendah Agama adalah seperti ibadat, adab, mengaji Al-Quran, dan Tauhid, yang diajarkan dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi (JPI, 1996).

Sambutan masyarakat Islam Brunei begitu baik, kerana ini merupakan satu lagi kemudahan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan secara percuma. Namun, menjelang tahun 1970-an kedudukan Sekolah Rendah Agama mula terancam disebabkan menumpang menggunakan bangunan sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris. Hal ini berlaku disebabkan penambahan pelajar-pelajar bagi sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris. Sebagai solusinya, pada tahun 1974 Jabatan Hal Ehwal Agama mengadakan rancangan untuk membuat bangunan khas bagi Sekolah Rendah Agama. Hal ini telah pun disedari lebih awal oleh rakyat Brunei, supaya kerajaan membina bangunan khas untuk sekolah agama, sepertimana yang terdapat dalam Laporan Tujuh Serangkai pada tahun 1953 (Mail, 2006:96-98).³

Pada tahun 1976, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan bagi peruntukkan khas untuk membina sekolah-sekolah agama. Peruntukkan khas ini telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada Rancangan Kemajuan Negara ke-3 (1975-1979)⁴, maka dari sini siri pembinaan bangunan sekolah-sekolah agama dilakukan dengan lebih teratur lengkap dengan kemudahan yang disediakan, seperti dewan bagi kegunaan guru-guru dan para pelajar menunaikan sembahyang fardhu Zohor dan Asar, dan tempat berwudhu.

Walau bagaimanapun, hingga tahun 2020 Masihi, rancangan ini belum juga dapat mengimbangi kemasukan pelajar sekolah agama dan terdapat

³Lihat pula "Penyata Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan Baru di Jajahan Tutong pada 27 Julai hingga 7 Ogos 1953", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis.

⁴Lihat "Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Agama 1984", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis, ms.7.

masih Sekolah Rendah Ugama yang menumpang bangunan sekolah-sekolah kerajaan, ada kalanya bangunannya begitu sudah lama. Bagi mengukuhkan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam, maka kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012.

Penubuhan Sekolah Arab. Dalam hubungan pendidikan Islam Brunei, maka penubuhan Sekolah Arab juga penting untuk dijejaki perkembangannya. Sekolah ini memang mempunyai hubungan rapat dengan pendidikan ugama, kerana ia merupakan tapak awal kepada pelajarnya untuk mencapai hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Sejarah penubuhan Sekolah Arab sudah muncul sejak tahun 1941, semasa Brunei di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950), yang ditubuhkan atas perbelanjaan baginda sendiri. Gurunya adalah seorang yang berbangsa Arab, bernama Syeikh Abd Aziz al-Shimi. Lebih-kurangnya dalam 60 orang pelajar, termasuk lima orang pelajar perempuan, yang mengikuti sekolah tersebut waktu itu. Meskipun begitu, operasi sekolah ini hanya berjalan dalam waktu yang sangat singkat sehingga Perang Dunia Kedua (1939-1945), apabila Brunei diduduki oleh tentera Jepun dan semua kegiatan persekolahan diberhentikan sementara, termasuk Sekolah Arab (Mohamed, 2011:113).

Dalam era pemerintahan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sekolah Arab ini dihidupkan kembali dengan penubuhan sebuah Sekolah Arab pertama di Brunei pada 1 Mac 1966, yang dikenali sebagai Sekolah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah. Seramai 46 orang pelajar telah dipilih dari Sekolah Rendah Ugama Brunei untuk memasuki sekolah ini. Pada awalnya, mereka ditempatkan sementara di Bangunan Madrasah Hal Ehwal Ugama, sebelum dipindahkan di bangunan khas. Berikutnya, pada tahun 1967, sebuah lagi Sekolah Arab diwujudkan yang dikenali sebagai Sekolah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, dengan keramaian 61 orang pelajar Perempuan (Ibidem nota kaki 1; Rahman, 2007:273-277).

Tujuan utama diwujudkan Sekolah Arab ini bukan hanya menyediakan pendidikan ugama semata-mata, bahkan juga mengutamakan kepentingan mata pelajaran yang lainnya, seperti Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains. Dengan yang demikian, pelajar-pelajar berpeluang melanjutkan pengajian mereka di mana-mana institusi pengajian tinggi, sama ada dalam atau luar negeri, tanpa tertumpu kepada aliran Arab sahaja. Sejak penubuhan Sekolah Arab juga, sambutan yang sangat baik telah diberikan oleh masyarakat tempatan Islam. Misalnya, pada tahun 1985, terdapat seramai 1,200 orang calon yang ingin memasuki Sekolah Arab tersebut; dan pada tahun 1995, adalah seramai 2,628 orang pelajar.

Secara keseluruhannya, hingga pada tahun 2020, terdapat 7 buah Sekolah Arab telah didirikan di Negara Brunei Darussalam, iaitu empat buah di Daerah Brunei dan Muara, sebuah di Tutong, sebuah di Belait, dan sebuah di Temburong.

Dengan bilangan sekolah yang makin bertambah mencerminkan Sekolah Arab telah diterima oleh masyarakat Brunei dan ramai pelajar-pelajar yang berminat untuk mendalami pengajian mereka dalam Bahasa Arab, disamping mempelajari mata pelajaran yang lain (KHEU Brunei Darussalam, 2016b).

Sehingga tahun 2020, Sekolah Arab telah menyumbang ramai kelahiran ulama dan bijak pandai dalam bidang ugama. Mereka bukan saja berperanan dalam pentadbiran kerajaan, tetapi yang lebih penting mereka memainkan peranan dalam menyebarkan dan mengukuhkan ajaran Islam di Brunei. Mereka bukan saja melalui ceramah, bahkan dalam tulisan-tulisan mereka banyak menyedarkan kepada penghayatan Islam yang syumul. Hal ini semakin menyerlah apabila kerajaan mahu mewujudkan Undang Syariah di Brunei, ia telah menjadi kenyataan apabila diistytiharkan pada tahun 2013 (KHEU Brunei Darussalam, 2016b).

Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Kelahiran ITQSHHB (Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah) pada 1 Januari 1993, yang diamanahkan di bawah Kementerian Pendidikan. Di awal penubuhannya, seramai 44 orang pelajar lelaki telah memasuki institusi tersebut. Manakala, pelajar perempuan masuk pada tahun 1995 seramai 14 orang. Institusi ini telah menawarkan empat kategori pengajian. *Pertama*, kategori “A” adalah kumpulan pelajar lelaki yang khusus untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran, di samping mengikuti akademik biasa. *Kedua*, kategori “B” bagi pelajar lelaki yang hanya menghafaz sebahagian daripada kitab Al-Quran dan mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Arab. *Ketiga*, kategori “C” adalah bagi pelajar lelaki atau perempuan yang berminat untuk menghafaz sebahagian daripada Al-Quran dan digalakkan untuk menghafaz sebanyak yang mungkin. Manakala yang terakhir, *keempat*, adalah kategori “D”, yang khusus bagi hafalan pelajar yang kurang upaya dari segi penglihatan (Damit, Mail & Tengah, 2014:129).

Apa yang membezakan ITQSHHB dengan sekolah-sekolah lain di Brunei adalah ia merupakan sumbangan amal khairat peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda telah bermurah hati mendirikan bangunan institusi yang berharga \$34 juta Ringgit. Antara matlamat utama penubuhan

institusi ini adalah bagi melahirkan para hafiz Al-Quran yang mahir dalam kitab-kitab suci dan mendatangkan rahmat serta keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam selaras dengan matlamat Negara Zikir (Damit, Mail & Tengah, 2014).

Sepanjang penubuhan institusi ini, sehingga tahun 2019, seramai 394 orang pelajar khatam hafazan 30 juz telah berjaya dilahirkan. Bukan itu sahaja, pencapaian institusi ini juga terbukti dengan bertambahnya bilangan huffaz negara (khatam hafazan 20 juz), yang meningkat pada setiap tahun. Setakat bulan April 2020, seramai 62 orang telah lulus hafalan 30 juz Al-Quran. Ini menjadikan jumlah Hafiz sejak ia tubuhkan ialah 456 orang. Tambahan lagi, institusi ini juga berjaya melahirkan alumni yang menjawat jawatan dalam kerjaya professional dan seramai 32 orang alumni tersebut berkhidmat sebagai tenaga pegajar di institusi berkenaan. Apa yang jelas, dengan penubuhan ITQSHHB telah banyak mendatangkan kebaikan kepada Negara Brunei Darussalam dalam terus memperkasakan kecermelangan pendidikan tahfiz Al-Quran di negara ini agar hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai lagi generasi Al-Quran yang berkualiti seiring dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja) dan Negara Zikir (KHEU Brunei Darussalam, 2016a).

Pendidikan Melayu. Seperti dijelaskan di atas bahawa Sekolah Melayu mula didirikan pada tahun 1914, dengan keramaian muridnya sebanyak 30 orang kanak-kanak lelaki. Sekolah ini telah disediakan oleh kerajaan secara percuma. Bahasa pengantar yang digunakan di sekolah ini adalah Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, tujuan utama Residen British menubuhkan Sekolah Melayu bukan untuk memberikan pendidikan hingga ke institusi pengajian tinggi, melainkan memberikan pendidikan asas kepada anak-anak Brunei, di samping mengajarkan mereka tentang disiplin, menjaga masa, dan kebersihan diri supaya kualiti hidup mereka meningkat dan lebih baik dari ibu bapa mereka. Selain itu, anak-anak tempatan juga akan tetap mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka sebagai petani atau nelayan. Oleh itulah pihak British telah memasukkan mata pelajaran perkebunan dan kraftangan dalam kurikulum Sekolah Melayu (Brunei Annual Report, 1918:40).

Di awal penubuhan Sekolah Melayu di Brunei, sambutan yang ditonjolkan oleh penduduk tempatan, terutama masyarakat Melayu, agak dingin kerana merasa curiga sekolah ini bakal melunturkan akidah dan kepercayaan anak-anak mereka terhadap ugama Islam. Sebagai solusinya, British telah menempatkan sekolah-sekolah Melayu ini di masjid untuk memberikan keyakinan kepada ibu bapa bahawa ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Perkembangan di peringkat awal penubuhan Sekolah Melayu agak perlahan. Pada tahun 1915, Sekolah Melayu kedua telah dibuka di Pekan Muara dan jumlah pelajarnya kira-kira seramai 12 orang pelajar lelaki sahaja. Manakala, pada tahun 1917 sebuah Sekolah Melayu didirikan di Kuala Belait dan pada tahun berikutnya ditubuhkan lagi sebuah sekolah di Pekan Tutong. Sehingga tahun 1924, hanya terdapat empat buah sekolah Melayu di Brunei dan bilangan pelajarnya hanya seramai 169 orang. (Damit, Mail & Tengah, 2014:16 dan 18).

Berbagai usaha telah dibuat oleh kerajaan bagi mendorong ibu bapa supaya menghantar anak-anak ke sekolah, terutama anak-anak perempuan. Sebagai solusinya, pada tahun 1929, kerajaan telah memperkenalkan satu undang-undang yang dikenali sebagai Undang-Undang Kehadiran Sekolah (*School Attendance Enactment*), yang mewajibkan kehadiran sekolah bagi kanak-kanak lelaki. Ibu bapa yang gagal mematuhi undang-undang ini akan dikenakan denda bayaran sebanyak 50 sen hingga \$1.00 bergantung kepada berapa kali kesalahan yang dilakukan.

Pada tahun 1930-an, sekolah-sekolah Melayu mula berkembang apabila sumber ekonomi Brunei semakin baik, ditambah lagi dengan hasil minyak yang mula ditemui pada tahun 1929. Menjelang Perang Dunia Kedua (1939), jumlah Sekolah Melayu telah bertambah menjadi 24 buah di seluruh negeri dan jumlah kesemua pelajarnya 1,746 orang, termasuk 312 orang pelajar perempuan (Damit, Mail & Tengah, 2014:20 dan 22).

Pada penghujung tahun 1950-an, bilangan pelajar yang memasuki Sekolah Melayu setiap tahun semakin bertambah, yang menyebabkan perubahan sangat drastik telah berlaku. Perubahan ini berlaku disebabkan kesan pendudukan Jepun (1942-1945), yang mencetuskan semangat nasionalisme di Brunei; kemunculan golongan elit, terutama guru-guru Melayu; surat khabar; buku-buku; dan memasukkan media elektronik, seperti radio, yang telah banyak mempengaruhi pemikiran masyarakat Brunei dalam melihat pentingnya sektor pendidikan.

Pada tahun 1960, taraf pendidikan Sekolah Melayu telah meningkat dengan wujudnya Darjah VII (Tingkatan 1). Sehubungan dengan itu, pendidikan menengah kemudiannya dilaratkan ke Daerah Tutong dan Daerah Belait pada tahun 1961, kerana permintaan yang memberangsangkan. Kemudian, pada 30 Januari 1966, kerajaan secara rasmi telah menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Melayu Pertama di Bandar Brunei di Sekolah Melayu Sultan Jamalul Alam (SMJA). Di awal pembukaan sekolah tersebut lebih-kurang dalam 900 orang pelajar telah diterima masuk.

Tujuan utama penubuhan Sekolah Menengah Melayu ialah memberikan peluang kepada pelajar-pelajar aliran Melayu untuk menduduki peperiksaan awam yang lebih tinggi, seperti Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia, dan Sijil Tinggi Persekolahan. Dengan adanya sijil-sijil tersebut memberikan mereka kesempatan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, seperti mana yang berlaku pada aliran Inggeris dan Ugama. Dengan kemunculan Sekolah Menengah ini, maka tujuan Sekolah Melayu hanya setakat pandai membaca dan menulis telah pupus ([Mail, 2006:50, 53, dan 54](#)).

Meskipun begitu, menjelang tahun 1975, keramaian pelajar dan bilangan Sekolah Menengah Melayu mula merosot. Jumlah pelajar sekolah menengah hanya seramai 1,564 orang dengan 934 orang pelajar lelaki dan 630 orang pelajar Perempuan. Menjelang tahun 1984, keramaian pelajar sekolah ini hanya 1,003 orang, yang menyebabkan hanya tinggal empat buah sahaja Sekolah Menengah Melayu. Kemerosotan ini berlaku, kerana ramai pelajar lebih suka untuk memasuki sekolah Inggeris, yang mana peluang melanjutkan pelajaran dan pekerjaan dilihat lebih menjamin. Kesannya menyebabkan Sekolah Menengah Melayu mengalami kemerosotan ([Mail, 2006:54-56](#)). Sekolah Melayu kemudiannya telah hapus secara total, apabila Dasar Pendidikan Dwibahasa diperkenalkan pada tahun 1984.

Pendidikan Cina. Sekolah Cina pertama di Brunei, yang bersifat swasta, telah didirikan pada tahun 1916. Sekolah ini terletak di tingkat satu pada sebuah kedai di Bandar Brunei. Pada masa itu, kanak-kanak yang memasuki sekolah hanya seramai 16 orang. Dengan penubuhan sekolah Cina ini jelas menunjukkan permulaan satu masyarakat menetap yang pada awalnya hanyalah berbentuk sementara. Pada tahun 1918, beberapa orang pemimpin dan ahli-ahli perniagaan masyarakat Cina di Brunei telah berkerjasama dan bersetuju untuk menubuhkan sebuah sekolah Cina, yang dikenali sebagai Sekolah Yok Choi. Kemudian pada tahun 1922, nama sekolah itu telah diganti kepada Sekolah Chung Hwa. Pada tahun 1938, bilangan pelajarnya semakin bertambah dan akhirnya mereka memilih untuk berpindah ke sebuah bangunan yang lebih besar terletak di Jalan Bendahara; dan pembukaan bangunan telah dirasmikan oleh Persuruhjaya Tinggi British ([Damit, Mail & Tengah, 2014:24](#)).

Di permulaan penubuhan sekolah Cina, kerajaan Brunei yang ketika itu dikuasai oleh pihak British memilih untuk bersikap tidak ikut campur dalam pengurusan sekolah. Ini kemungkinan kerana dilihat dari sudut jumlah penduduk Cina yang masih sedikit dan mereka dianggap sebagai penduduk asing dan tinggal di negeri Brunei atas dasar sementara sahaja.

Walau bagaimanapun, akhirnya mereka mula menyedari apabila sekolah-sekolah Cina telah dijadikan sebagai tempat membincangkan masalah-masalah politik di Cina, yang mana matlamatnya kemudian bertentangan dengan dasar British. Perkara ini dilihat apabila buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah tersebut adalah diimport dari Cina dan guru-guru yang mengajar kebanyakannya berasal dari negeri Cina.

Di samping itu, bahasa pengantar yang digunakan untuk mengajar di sekolah tersebut adalah bahasa Mandarin dan mana-mana pelajaran yang diajarkan adalah berdasarkan kurikulum sekolah Cina, termasuk sejarah dan budaya Cina. Atas hal tersebut akhirnya pada tahun 1920, pihak British mengambil keputusan supaya setiap sekolah-sekolah Cina yang didirikan perlu didaftarkan dan diberikan bantuan kewangan, supaya kegiatan-kegiatan yang dilakukan di sekolah dapat dipantau.

Sekolah Cina kedua di Brunei telah didirikan di Labi, daerah Kuala Belait pada tahun 1926. Sekolah tersebut dibangunkan di kawasan berkenaan, kerana di sinilah mula-mula sekali ditemui minyak di Brunei pada tahun 1914. Kegiatan carigali minyak telah dijalankan oleh syarikat minyak yang dimiliki oleh *Royal Dutch Shell* membawa ramai orang-orang Cina sebagai pekerjanya hingga ada yang menetap di sini. Salah satu keperluan yang mereka inginkan adalah mendirikan sekolah Cina untuk pendidikan anak-anak mereka.

Kemudian, apabila bilangan penduduk Cina yang tinggal di daerah Kuala Belait semakin meningkat, ekoran penemuan minyak di Seria pada tahun 1929, maka sebuah sekolah Cina ketiga telah didirikan pada tahun 1937 dan diikuti dengan sekolah Cina keempat di Seria pada tahun 1938. Sekolah Cina yang kelima dibuka pada tahun 1939 di Pekan Tutong. Secara keseluruhannya, pelajar yang mendaftar di lima buah sekolah Cina pada tahun 1940 adalah seramai 309 orang lelaki dan 163 orang perempuan. Semua sekolah-sekolah tersebut dijalankan oleh masyarakat Cina sendiri, dengan menerima sedikit bantuan berbentuk *grants-in aid* daripada kerajaan (Damit, Mail & Tengah, 2014:25-26).

Sekolah Cina ini masih wujud hingga tahun 2020. Sekolah ini terus berkembang dengan tidak hanya mengajarkan di peringkat rendah, bahkan hingga menengah. Ia dapat bertahan kerana mendapat sokongan dari masyarakat Cina, terutama dalam kalangan pengusaha. Sistem pembelajarannya tidak hanya menekankan tentang penggunaan teknologi maklumat, tetapi juga penguasaan tiga Bahasa, iaitu Melayu, Cina, dan Inggeris.

Pendidikan Inggeris. Sekolah Inggeris di Brunei ditubuhkan agak terkemudian daripada sekolah Melayu dan sekolah Cina. Sebelum

didirikan sekolah Inggeris pertama di Brunei, setiap tahun kerajaan akan menghantar dua orang pelajar dari Brunei ke Sekolah Inggeris Kerajaan Labuan bermula dari tahun 1929. Pada tahun 1939, bilangan pelajar yang dihantar ke sekolah tersebut ditambah menjadi empat orang. Salah satu kebaikan Sekolah Inggeris, ia menjadi saluran kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka hingga ke peringkat yang lebih tinggi (Damit, Mail & Tengah, 2014:25-26).

Setelah penemuan minyak di Seria pada tahun 1929, daerah Kuala Belait telah menjadi tumpuan utama, di mana ibu pejabat *British Malayan Petroleum Company* telah berkembang dan menjadi sebuah bandar dengan penduduk daripada berbagai bangsa. Atas sebab ini, akhirnya Sekolah Inggeris pertama di Brunei telah didirikan untuk memenuhi keperluan persekolahan bagi anak-anak kaki-tangan syarikat minyak tersebut.

Pada tahun 1931, sebuah badan dakwah Kristian *Anglican*, yang diketuai oleh seorang Paderi Kristian bernama Mr. Synott, telah dibenarkan membuka sebuah sekolah pertama swasta Inggeris di Kuala Belait. Sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Inggeris Kuala Belait (*Kuala Belait English School*), dengan bilangan pelajar seramai 21 orang daripada kalangan anak-anak kaki-tangan syarikat minyak British tersebut (Mohamed, 2011:114).

Oleh kerana sekolah Inggeris tersebut hanya dikhususkan untuk anak-anak kaki-tangan syarikat minyak di Seria, maka penduduk-penduduk di Kuala Belait, terutama sekali masyarakat Cina, telah memohon kepada kerajaan supaya ditubuhkan lagi sekolah Inggeris untuk orang ramai. Permohonan ini dipersetujui dan akhirnya didirikan sekolah Inggeris kedua di Kuala Belait untuk orang ramai, yang dikenali sebagai Sekolah Roman Katholik (*Roman Catholic School*), Kuala Belait. Sekolah tersebut merupakan sekolah misi pertama yang ditubuhkan pada tahun 1933, dengan keramaian pelajar 29 orang pelajar lelaki dan 8 orang dari kalangan pelajar perempuan.

Perkembangan sekolah Inggeris semakin meningkat apabila pada 1938, sebuah sekolah misi telah didirikan lagi di Bandar Brunei dan dinamakan sebagai Sekolah Roman Katholik. Kemudian, pada tahun seterusnya diwujudkan lagi sebuah sekolah misi di Bandar Brunei, yang diberi nama sebagai Sekolah Inggeris Brunei (*Brunei English School*). Dengan penubuhan sekolah-sekolah ini telah mencapai keseluruhannya empat buah sekolah Inggeris didirikan di Brunei, dengan bilangan keramaian pelajar sebanyak 188 orang pada tahun 1939. Keempat-empat buah sekolah Inggeris itu juga mengenakan bayaran yuran kepada

pelajar-pelajarnya bagi membiayai operasinya (Damit, Mail & Tengah, 2014:28-29).

Melihat kepada perkembangan sekolah Inggeris swasta, maka masyarakat Brunei, terutama masyarakat Cina, meminta kerajaan supaya menubuhkan sekolah Inggeris Kerajaan. Bagi masyarakat Islam Brunei, sekolah Inggeris ini diperlukan kerana mereka tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris swasta, kerana takut dipengaruhi oleh ugama Kristian. Maka pada tahun 2 Oktober 1951, kerajaan di bawah pimpinan Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah menubuhkan sekolah Inggeris Kerajaan, yang dikenali sebagai Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien di Bandar Brunei (Lebar, 2014:25). Dengan kemunculan sekolah ini, maka kerajaan secara perlahan-lahan telah menubuhkan Sekolah Inggeris Kerajaan di daerah-daerah lain. Sehingga tahun 2020, sekolah Inggeris, sama ada milik kerajaan atau swasta, merupakan institusi pendidikan yang dominan dalam sistem pendidikan Brunei.

Maktab Perguruan. Pada awalnya adalah amat sukar untuk mendapatkan orang Melayu Brunei yang berkebolehan membaca dan menulis huruf Rumi untuk menjadi guru di sekolah Melayu. Akhirnya, pihak British perlu melantik sahaja mana-mana anak tempatan yang baru sahaja menamatkan sekolah mereka sebagai guru tanpa diberi latihan formal khusus. Bagi mendapatkan kursus perguruan secara formal dan sistematik, akhirnya ada dalam kalangan anak tempatan telah dihantar ke luar negeri sehingga tahun 1956.

Penghantaran guru-guru tempatan yang paling awal ke luar negeri berlaku pada tahun 1918, dengan mengikuti kursus perguruan dalam jangka masa yang pendek di Maktab Perguruan Melaka di Tanah Melayu. Namun penghantaran ini tidak bertahan lama, kerana maktab tersebut telah tutup. Kemudian, pada tahun 1930 dua orang guru pelatih telah dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, yang terletak di Perak, Tanah Melayu. Di sana mereka mengikuti kursus selama tiga tahun.

Kemudian, pada tahun 1948 telah dibukakan Maktab Perguruan Batu Lintang, yang terletak di Kuching, Sarawak. Setiap tahun, bermula tahun 1949, seramai 10 orang pelajar Brunei dihantar untuk mengikuti kursus di maktab tersebut. Namun, penghantaran pelajar-pelajar Brunei di maktab ini akhirnya diberhentikan atas sebab permakanaan pelajar di asrama diragui kehalalannya.

Bagi mengatasi masalah ini, maka kerajaan Brunei menubuhkan sebuah Pusat Latihan Perguruan Brunei pada bulan Januari 1956.

Pengambilan pertama pusat latihan ini adalah seramai 21 orang pelajar lelaki; dan kursus yang ditawarkan adalah selama tiga tahun. Kemudian, Pusat Latihan Perguruan Brunei telah diubah namanya kepada Maktab Perguruan Melayu Brunei; dan pada tahun 1960, jumlah pengambilan pelajarinya telah meningkat dari 24 orang kepada 48 orang pelajar.

Sehingga tahun berikutnya, dengan perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai dan disumbangkan dalam berbagai bidang pendidikan, akhirnya diwujudkan Institusi Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah pada 18 Oktober 1984. Kursus ini menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Rendah (aliran Inggeris) selama dua tahun sepenuh masa, yang dikendalikan bersama dengan University of Cardiff, Wales, United Kingdom. Pengambilan pertama institusi ini adalah seramai 21 orang guru, yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan. Sementara itu Maktab Perguruan Ugama telah ditubuhkan pada tahun 1972 bertujuan untuk mengeluarkan guru terlatih dalam pengajaran ugama.

Kemudian, setelah UBD (Universiti Brunei Darussalam) ditubuhkan pada bulan Oktober 1985, ia ada menawarkan kursus yang sama melalui Fakulti Pendidikan dalam aliran Inggeris dan aliran Bahasa Melayu. Akhirnya, pada tahun 1995, Fakulti Pendidikan telah dinamakan semula sebagai Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah. Ia mempunyai bangunannya sendiri dengan dilengkapi kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Pada tahun 2011, perubahan telah berlaku ke atas Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, yang mana ia telah dinaikkan taraf sebagai sekolah pengajian siswazah (*graduate school*).

Institut ini tidak lagi menawarkan kursus-kursus *undergraduate*, melainkan kursus-kursus di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah sahaja. Kemudian mereka mengikuti kursus Sarjana Pengajian (*Masters in Teaching – M.Teach.*) selama dua tahun sebelum diiktirafkan sebagai guru-guru profesional dan dilantik sebagai Pegawai Pelajaran. Dengan pengambilan guru-guru daripada kalangan calon lepasan ijazah itu dapat meningkatkan profesion perguruan yang setanding dengan perkembangan di luar negeri.

Sementara itu, Maktab Perguruan Ugama mula dibuka pada tahun 1972, yang khusus melahirkan guru terlatih dalam bidang ugama. Dengan adanya maktab ini semakin ramai anak tempatan menceburi bidang ugama, yang awalnya dimonopoli oleh guru-guru ugama dari Tanah Melayu.

Kewujudan Institusi Pengajian Tinggi. Mercu tanda kepada kecermelangan perkembangan pendidikan sesebuah negara, biasanya, ditandai dengan kemunculan institusi pengajian tinggi. Institusi pengajian tinggi bermaksud badan atau organisasi yang menawarkan program

pendidikan tinggi peringkat ijazah seperti Sarjana Muda (*Degree*), Sarjana (*Master*), dan Doktor Falsafah (*Ph.D*).

Tempoh masa pengajian di institusi pengajian tinggi biasanya dalam tiga atau empat tahun mengikut program yang diikuti. Selain menawarkan program ijazah, institusi pengajian tinggi, yang dikenali juga sebagai universiti, kolej, atau institute, kadang-kadang menawarkan program-program kelayakan lebih rendah daripada program ijazah, seperti Diploma Tertinggi Kebangsaan atau *High National Diploma*; Diploma Lanjutan atau *Advanced Diploma*; Diploma, Sijil, dan Asas Sarjana Muda atau *Foundation Degree* (Damit, Mail & Tengah, 2014:184).

Universiti Brunei Darussalam (UBD). Bagi Negara Brunei Darussalam, sepanjang kewujudan pendidikan formal di negara ini, pada 28 Oktober 1985 merupakan pencapaian tertinggi dan paling cemerlang apabila munculnya sebuah universiti tempatan pertama yang dikenali sebagai UBD (Universiti Brunei Darussalam). Dengan kemunculan universiti telah menjadikan taraf pendidikan di negara ini semakin meningkat dan maju ke hadapan.

UBD telah memberi peluang lebih luas kepada anak-anak tempatan, yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat lebih tinggi. UBD telah memulakan programnya dengan seramai 176 orang pelajar pengambilan pertama di kampus sementara, di bangunan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah dan di Pusat Pendidikan Gadong, Mukim Gadong. Kemudiannya, ia memiliki kampus kekal yang berharga sekitar \$180 juta terletak berdekatan pantai Tungku.

Kampus UBD telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 5 September 1995. Dengan kewujudan universiti ini dihasratkan dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi sama-sama memainkan peranan dalam pembangunan negara. Ia juga cuba menyediakan pemimpin yang berkemahiran tinggi dan berwibawa. Semua ini diharapkan akan tercapai dan menjadi realiti, seperti yang terpapar pada logo universiti “Ke Arah Kesempurnaan Insan” (Damit, Mail & Tengah, 2014:188-186).

Dari tahun 1989 hingga 2019, UBD telah melahirkan 23,229 orang graduan dari peringkat Sarjana Muda hingga ke Doktor Falsafah. Ramai alumni UBD telah berkhidmat dengan pihak kerajaan hingga menjawat jawatan Menteri dalam kabinet kerajaan Brunei. Selain itu, ramai juga yang berkhidmat dengan pihak swasta dan ada yang membuka perusahaan sendiri.

Universiti Teknologi Brunei (UTB). Pada 16 Januari 1986, ITB (Institut Teknologi Brunei) telah ditubuhkan, yang merupakan institusi pengajian tinggi yang kedua ditubuhkan di negara ini selepas UBD (Universiti Brunei Darussalam). Penubuhan institut ini merupakan kemuncak pencapaian cemerlang dalam pendidikan vokasional dan teknikal bagi Brunei. IPT (Institusi Pengajian Tinggi) kedua ini menawarkan program pengajian peringkat ijazah pertama dalam bidang teknikal dan perdagangan di negara Brunei Darussalam.

ITB ini sebagai lanjutan daripada perkembangan pendidikan vokasional dan teknikal, yang bermula dengan Maktab Kejuruteraan Jefri Bokiah pada tahun 1971. Bidang pendidikan ini terus berkembang hingga tahun 2020, bukan saja dalam bidang teknikal tetapi juga kepada bidang kejuruteraan, perdagangan, jurukira, binaan, mekanik, teknologi maklumat, hinggalah kepada bidang pertanian. Ia kemudiannya juga disertai oleh pihak swasta.

Di awal penubuhan ITB, ia ditempatkan berkongsi dengan bangunan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal bersama Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. ITB mula berpindah ke bangunan kekalnya pada tahun 2001, di kawasan Tungku, berdekatan dengan kampus UBD. Tujuan utama ditubuhkan ITB ialah bagi memudahkan pelajar-pelajar Brunei mendapatkan ilmu pengetahuan teknikal dan komersial, terutama bagi mereka yang mempunyai kecenderungan dalam bidang ini.

Sejak ITB ditubuhkan, kemasukkan pelajar setiap tahun semakin meningkat. Ini menunjukkan semakin ramai pelajar negara ini yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan teknikal dan perdagangan. Tambahan lagi, peluang kerjaya bagi lulusan dari institusi ini terbuka luas, baik di sektor awam mahupun swasta.

Di awal penubuhannya, hanya seramai 57 orang pelajar memasuki ITB. Pada tahun 2008, ITB dinaik taraf menjadi sebuah universiti dan namanya ditukar menjadi UTB (Universiti Teknologi Brunei) pada 1 Mac 2016. Sejak UTB ditubuhkan, ia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, kerana sehingga tahun 2019, seramai 5,436 orang graduan Diploma Tertinggi telah dikeluarkan, sementara itu peringkat Ijazah Sarjana Muda pula seramai 1,710 orang graduan telah dilahirkan. Di peringkat Sarjana pula, seramai 199 orang graduan telah lulus dari UTB.⁵

⁵Lihat dan bandingkan “Maklumat dari Pejabat Pendaftar dan Setiausaha UTB [Universiti Teknologi Brunei], 30 Mac 2020”. Naskah Tidak Diterbitkan, fail copy wujud pada Penulis; dan “BruDirect.com: 451 Graduan UTB Terima Ijazah (13 September 2019)”. Diambil semula daripada: <http://brudirect.com/news.php?id=76428> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2025].

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Universiti Islam Sultan Sharif Ali, atau disingkat UNISSA, adalah universiti ketiga selepas UBD (Universiti Brunei Darussalam) dan UTB (Universiti Teknologi Brunei). UNISSA telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007 dan mempunyai visi untuk menjadi universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan al-Sunnah. Sementara itu misinya pula ialah untuk menjadikan UNISSA sebagai sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang menjadikan program pengajian, penyelidikan, dan pembinaan insan melalui kaedah-kaedah holistik, berteknologi terkini selaras dengan perkembangan dunia untuk melahirkan graduan yang soleh, berwibawa, dan kualiti, serta turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Ketika mula ditubuhkan, UNISSA menawarkan bukan sahaja program peringkat Ijazah Sarjana Muda, tetapi juga program ijazah lanjutan atau program Sarjana dan Doktor Falsafah, di samping program Diploma Perundangan Islam dan *Guaman Syar'i*. Sejak UNISSA ditubuhkan pada tahun 2007, seramai 113 orang pelajar pengambilan pertama telah diterima dan setiap tahun ada peningkatan.

Pada 29 Ogos 2019, sempena *Majlis Hafl Al-Takharruj* ke-9 UNISSA, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, seramai 289 graduan menerima ijazah dan diploma dalam pelbagai bidang. Dengan kemajuan universiti ini diharap akan semakin meningkat setelah tertubuhnya kampus kekal UNISSA bertapak di Mukim Labu, Temburong, sekali gus melonjakkan lagi reputasi dan merealisasikan harapan negara untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini (Dमित, Mail & Tengah, 2014:199-201).⁶

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, atau disingkat KUPUSB, adalah lanjutan daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Maktab ini adalah pusat latihan perguruan ugama, yang hanya terdapat di Brunei Darussalam. Kolej yang asalnya Maktab Perguruan Ugama ini telah memulakan kursus pada bulan Januari 1972. Bangunan kekal maktab ini telah dibuka secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Julai 1975. Asal-usul kemunculan Kolej Universiti Ugama Seri Begawan berlaku apabila Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan sebuah urus setia pada

⁶Lihat pula "Media Permata: 289 Graduan UNISSA Terima Ijazah dan Diploma, 30 August 2019". Diambil semula daripada: <https://mediapermata.com.bn/289-graduan-unissa-terima-ijazah-dan-diploma/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 19 September 2025].

tahun 2006, dengan matlamat untuk menaiktarafkan maktab ini kepada sebuah institusi pengajian tinggi yang bertaraf universiti.

Pada 20 Januari 2007, secara rasminya telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah kolej universiti. Walaupun KUPUSB kelihatannya seolah-olah sama matlamatnya dengan UNISSA (Universiti Islam Sultan Sharif Ali), iaitu mengembangkan dan mengukuhkan Islam di negara ini, tetapi pada dasarnya adalah berbeza kerana kolej universiti mempunyai program untuk melahirkan guru-guru agama yang berkelulusan di peringkat ijazah. Setelah dinaikkan taraf menjadi Kolej Universiti, maka pada tahun 2007, KUPUSB telah menerima seramai 175 orang pelajar pengambilan pertama.

Setiap tahun pelajar-pelajar yang masuk ke kolej ini ada peningkatan dan sehingga tahun 2019, sempena Majlis Konvokesyen Kali ke-9 KUPUSB, seramai 259 graduan menerima Pengurniaan Ijazah mengikut bidang masing-masing. Dengan wujudnya KUPUSB diharapkan dapat melahirkan pelajar yang akan menjadi pendidik berwibawa, dipastikan memperoleh seluruh ilmu yang bermanfaat, berakhlak, dan berkemahiran yang diwajibkan bagi memenuhi tuntutan abad ini. Mereka juga perlu sentiasa bersedia dengan segala perubahan dengan sentiasa memegang kukuh ajaran agama Islam, iaitu berpadukan *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* dan menjaga Konsep Negara MIB atau Melayu Islam Beraja (Damit, Mail & Tengah, 2014:203-204).⁷

Dasar Pendidikan Brunei Darussalam. Dasar pendidikan di Negara Brunei Darussalam bersifat dinamik dan sentiasa berlaku perubahan. Dasar-dasar pendidikan sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan kehendak dari pihak Kerajaan dan orang ramai dalam sama-sama memperbaiki sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum kemunculan sistem pentadbiran Residen British pada tahun 1906, dasar pendidikan di Negara Brunei Darussalam berbentuk tidak formal yang menumpukan kepada pengetahuan agama Islam sahaja. Setelah kedatangan British ke Brunei, mereka memperkenalkan pendidikan formal bagi membolehkan anak-anak Melayu Brunei memperoleh kemahiran membaca, menulis, dan mengira supaya dapat diambil untuk berkhidmat dengan kerajaan. Hasilnya, ditubuhkan sekolah Melayu yang bertujuan bukanlah untuk memberikan pendidikan yang

⁷Lihat pula "Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan: 259 Graduan KUPUSB Diraikan, 2019". Wujud secara online di: <http://brudirect.com/news.php?id=76428> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 20hb Mei 2025].

bertaraf tinggi, tetapi sekadar pendidikan asas kepada kanak-kanak, mengajar mereka tentang disiplin, menjaga masa, dan menjaga kebersihan diri supaya kualiti hidup lebih baik daripada ibu bapa mereka.

Semasa Brunei di bawah kuasa tentara Jepun, bermula dari tahun 1941 hingga 1945, dasar pendidikan yang diperkenalkan adalah Dasar Nipponisasi. Dasar ini menanamkan nilai-nilai ke-Jepun-an yang meliputi kebudayaan serta tata-tertib kehidupan Jepun ke dalam masyarakat tempatan bagi menggantikan nilai Barat. Bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini akhirnya gagal disebabkan kekurangan tenaga pengajar dan tempoh pendudukan Jepun juga agak singkat (Chuchu, 1990:40).

Kemudian, dasar pendidikan rasmi yang pertama diperkenalkan di Brunei, yang diungkapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei, adalah Dasar Pendidikan 1954. Dasar ini wujud disebabkan desakan orang ramai, termasuk Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), dalam sama-sama menyahut hasrat keinginan Sultan Omar 'Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, kerana Brunei masih kekurangan golongan terpelajar dan profesional dalam pembangunan negara. Namun begitu, Dasar Pendidikan 1954 ini akhirnya mengalami masalah, seperti mana yang ditulis dalam laporan yang dibuat oleh Aminuddin Baki & Paul Chang (1959), yang menganggap dasar pendidikan berkenaan tidak mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas kepada perpaduan masyarakat Brunei. Hal ini berlaku kerana dasar tersebut mengamalkan sekolah berbagai aliran (cf Baki & Chang, 1959; Damit, Mail & Tengah, 2014:52-58).

Oleh sebab kekurangan yang terdapat di dalam Dasar Pendidikan 1954, maka diwujudkan Dasar Pendidikan Negara 1962. Dasar ini bertujuan melahirkan tenaga manusia yang mahir dalam semua bidang dan menjadikan BM (Bahasa Melayu) sebagai bahasa utama dalam sistem persekolahan Brunei sehingga peringkat pengajian tinggi. Namun, sejak dasar ini diwujudkan, ia telah mengalami masalah berkaitan dengan pemberontakan di Brunei yang berlaku pada tahun 1962, sehingga menyebabkan operasi pendidikan pada masa itu diberhentikan buat seketika. Akhirnya, dasar ini digantikan kepada dasar yang baru, iaitu Dasar Pendidikan Negara 1972 (cf Baki & Chang, 1959; JP, 1966; JP, 1967; JP, 1968; JP, 1969; JP, 1970; JP, 1971; JP, 1972; Damit, Mail & Tengah, 2014).

Pada umumnya, kandungan Dasar Pendidikan Negara 1972 tidak banyak berbeza dengan Dasar Pendidikan Negara 1962, iaitu mengutamakan penggunaan BM di peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi (JSUK, 1972). Namun, apa yang jelas ketara dasar baru ini menekankan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran yang penting diajarkan di sekolah-sekolah. Ini adalah untuk

memenuhi kehendak Perlembagaan yang telah menjadikan Ugama Islam sebagai ugama rasmi negeri Brunei. Walau bagaimanapun, Dasar Pendidikan Negara 1972 juga gagal diteruskan, terutama dalam memartabatkan BM, kerana perkembangan dan pembangunan negara semakin pesat (JP, 1973; JP, 1974; JP, 1975; JP, 1977; JSUK, 1977). Atas alasan ini, keperluan mempelajari BI (Bahasa Inggeris) menjadi satu kemestian, terutama dalam berurusan dengan sektor kerajaan dan swasta (JP, 1980; Al-Sufri, 1982:2-3).

Sebagai gantinya, Dasar Pendidikan Dwibahasa 1984 secara rasmi digunakan oleh Kerajaan pada 9 April 1984, apabila Brunei baru sahaja mencapai kemerdekaan daripada penguasaan British. Dasar ini bersifat dwibahasa, yang bermaksud bilingual, yang mengutamakan penggunaan dua bahasa pengantar, iaitu BM (Bahasa Melayu) dan BI (Bahasa Inggeris) di dalam sistem pendidikan di Brunei Darussalam. Dasar ini diperkenalkan atas dua tujuan, iaitu BI diperlukan agar memberi peluang kepada anak-anak tempatan meneruskan pengajian mereka di dalam dan luar negeri, serta membolehkan mereka menyertai kegiatan-kegiatan serantau dan antarabangsa. Tujuan kedua pula bagi memastikan warga Brunei mempunyai peluang dan hak yang sama rata dalam mempelajari BI tanpa perlu mengikuti aliran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah swasta (Umar, 2012:323-325).

Meskipun Dasar Pendidikan Dwibahasa 1984 pada asalnya difahami menggunakan dua bahasa pengantar, iaitu BM dan BI, namun realitinya BI dijadikan sebagai bahasa utama yang digunakan sebagai bahasa pengantar di struktur pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Ini menjadikan sekolah Inggeris terus dominan dan berkembang hingga tahun 2020, baik sekolah kerajaan mahupun sekolah swasta.

Senario ini menimbulkan cabaran baru, di mana penggunaan BM sudah tidak menjadi satu keutamaan dan kedudukannya semakin lemah di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pengajian tinggi. Tambahan lagi, masalah ini berterusan apabila ia bercanggah dengan apa yang diingini di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan keutamaan dalam konsep negara, iaitu MIB (Melayu Islam Beraja), yang menekankan penggunaan BM sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam. Bagaimanapun, BM masih dapat bertahan dengan menjadikan ia mata pelajaran wajib, di samping adanya mata pelajaran MIB dan ugama Islam yang diajarkan dalam BM (Jumat, 1989; Mail, 2024).

Ekoran dengan perubahan dan kemajuan drastik dalam bidang teknologi maklumat yang menyebar secara global, di mana Brunei juga terkena tempiasnya, maka bagi mendepani perubahan ini akhirnya

diwujudkan dasar pendidikan baru yang selari dengan perkembangan arus globalisasi, iaitu Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21), yang mula dilaksanakan pada tahun 2008 (KP Brunei Darussalam, 2013:2).

Dasar ini dipercayai dirangka selaras dengan perkembangan dunia pada masa kini bagi menghindari rakyat Brunei Darussalam dari tercicir dan ketinggalan dalam mengharungi arus perkembangan perubahan dunia kini. Tambahan lagi, dasar pendidikan baru ini juga selari dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035, iaitu sebagai sebuah negara yang dikenali oleh seluruh dunia dan memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran, dan berjaya setaraf dengan masyarakat antarabangsa, berkualiti, dan memiliki sumber ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Bagaimanapun, Sistem Pendidikan Negara Abad 21 masih mempunyai kekurangan dan gagal menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh Dasar Pendidikan Dwibahasa 1984, yang diperkenalkan sebelumnya. Penggunaan BI sebagai bahasa pengantar semakin berleluasa dan berkembang apabila keseluruhan pelajaran-pelajaran digunakan di dalam BI dan kurangnya penggunaan bahasa penghantar utama, iaitu BM. Mengenai hal ini, autoriti yang bertanggungjawab perlulah meneliti dan mengemaskinikan kembali kekurangan yang ada di dalam Dasar Pendidikan SPN 21 (Othman, 2013/2014).

Pada realitinya, teknologi maklumat yang menjadi teras pendidikan Brunei, sehingga tahun 2020, tidak semuanya membawa unsur-unsur positif, bahkan juga anasir negatif. Dalam hal ini ia telah menjadi cabaran kepada dasar pendidikan negara untuk melahirkan generasi yang teguh berpegang kepada konsep MIB (Melayu Islam Beraja) dan Negara Zikr. Hal ini telah disadari oleh kerajaan untuk mendepani cabaran, mahu tidak mahu, pendidikan ugama perlu diperkukuhkan sejak di bangku sekolah lagi. Pentingnya konsep ini memang selalu ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dalam titah baginda sejak kemerdekaan Brunei pada tahun 1984 hingga kini, sebanyak 60 kali telah diulang-ulang (PESEBAR, 2020:vii-xii).

Oleh demikian, dalam mengukuhkan ajaran Islam dalam dasar pendidikan negara, maka pada tahun 2019, menerusi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaadin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ada menekankan kepentingan pembelajaran Al-Quran. Berdasarkan titah Baginda Sultan menjelaskan, walaupun pembelajaran Al-Quran sudah sekian lama wujud di dalam pendidikan sistem Negara Brunei Darussalam, namun tingkat kemahiran dalam bacaan Al-Quran

setiap individu itu didapati mempunyai perbezaan dari segi lancarnya pembacaan mereka. Dengan itu, baginda berhasrat supaya pembelajaran Al-Quran bukan sahaja diberikan kepada pelajar-pelajar yang menuntut di Sekolah Rendah Ugama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, malah pembelajaran Al-Quran juga dapat diterapkan dan diteruskan di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan dan di sekolah-sekolah swasta.

Dari titah ini jelas membuktikan bahawa perlunya ada perubahan dan pengemaskinian yang baru dilakukan dalam dasar pendidikan Negara Brunei Darussalam, dengan memasukkan pembelajaran Al-Quran sebagai salah satu mata pelajaran wajib di dalam penstrukturan sistem pendidikan, selain dalam penguasaan bahasa BM dan BI. Tambahan lagi, dengan penambahan mata pelajaran Al-Quran juga diharap dapat memupuk dan megembangkan lagi kemahiran dan kelancaran bacaan Al-Quran bagi pelajar-pelajar sekolah hingga ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Dengan memberikan keutamaan pembelajaran bacaan Al-Quran, jelas bahawa sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja menitikberatkan kepentingan atas urusan duniawi sahaja, malah mengutamakan persediaan untuk akhirat yang kekal abadi. Dengan inisiatif ini juga dapat membantu untuk mencapai barakah di dalam kehidupan dan mendapatkan petunjuk jalan yang lurus.⁸

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pendidikan merupakan satu proses yang penting bagi menyatupadukan sesuatu bangsa dan membentuk sebuah masyarakat yang dinamik dengan jati diri yang teguh. Di samping itu juga, memenuhi kehendak perubahan semasa, baik dalam aspek politik, ekonomi, mahupun sosial sesebuah negara.

Negara Brunei Darussalam telah banyak mengalami transformasi pendidikan, yang bertolak dari pendidikan balai hingga sekarang. Sistem pendidikan balai secara perlahan telah pupus, yang kemudiannya diganti oleh pendidikan formal dengan kemunculan sekolah Melayu, Inggeris,

⁸Lihat "Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Majlis Musabaqah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1440 Hijrah/ 2019 Masihi (Malam Ketiga), 10 Jamadilawal 1440/14 Februari 2019". Diambil semula daripada: <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=318&Source=http%3A%2F%2Fwww%2Ejpm%2Egov%2Ebn%2FLists%2FTitah%2FAllItems%2Easpx&ContentTypedId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 19 September 2025].

dan Agama. Pendidikan yang dinamik ini tidaknya terhenti setakat sekolah menengah, bahkan ia terus berkembang ke peringkat pengajian tinggi dalam bidang sains sosial, teknikal dan vokasional, serta agama. Ia telah membuka peluang yang luas kepada anak-anak Brunei untuk menimba ilmu hinggalah ke peringkat tinggi.

Perkembangan ini, kemudiannya, diselaraskan dengan kewujudan dasar-dasar pendidikan yang bermula pada tahun 1954. Dasar ini penting kepada mencapai matlamat pendidikan, di samping selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara, terutama dalam memenuhi kehendak Wawasan 2035. Perkara ini tidak akan berjaya jika ia hanya dijalankan oleh satu pihak sahaja, iaitu pihak kerajaan, melainkan kerjasama yang ditonjolkan dan diberikan oleh para ibu bapa dan masyarakat seluruhnya.

Apa yang pasti, perubahan-perubahan yang dibuat, serta kemajuan-kemajuan yang dilakukan, adalah bersangkut-paut bagi memperbaiki dan mengemaskinikan yang mendatangkan kesejahteraan, khususnya kepada seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam, yang selari dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja) bagi mencapai matlamat negara, iaitu Wawasan 2035, serta tidak lupa menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir. Jika semua ini dapat dicapai pendidikan Negara Brunei Darussalam terus cemerlang dan rakyatnya akan terus-menerus menikmati kesejahteraan, keamanan, dan kebahagiaan, bukan sahaja di dunia tetapi juga di alam akhirat yang kekal abadi.

Referensi

- Al-Sufri, Pehin Dr. Haji Awg Mohd Jamil. (1982). *Chorak Pendidikan di Brunei pada Masa Depan*. Bandar Seri Begawan: Majlis Pelajaran Brunei.
- Baki, Aminuddin & Paul Chang. (1959). "Laporan Surohanjaya Pelajaran Brunei, 21 September 1959". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Copy fail ada pada Penulis.
- "BruDirect.com: 451 Graduan UTB Terima Ijazah (13 September 2019)". Diambil semula daripada: <http://brudirect.com/news.php?id=76428> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2025].
- Brunei Annual Report, 1914.
- Brunei Annual Report, 1915.
- Brunei Annual Report, 1918.
- Brunei Annual Report, 1919.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- Chuchu, Md Noor. (1990). "The Development of Education in Brunei" in *Journal Pendidikan*, Volume I, pp.35-50.
- Damit, Awang Haji Mohamad Yusop bin Haji Awang, Haji Awang Asbol bin Haji Mail & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. (2014). *Evolusi dan Transformasi:*

- Kecermelangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- Hidayat, Yayat. (2019). "Pendidikan dalam Perspektif Ibnu Khaldun" dalam *Jurnal Pendidikan Islam al-Ilmi*, Volume 2(1), Mei, ms.11-22. Wujud secara online pula di: https://www.researchgate.net/publication/351395635_PENDIDIKAN_DALAM_PERSPEKTIF_IBNU_KHALDUN [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2025].
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1966). *Laporan Tiga Tahun, 1964-1966*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1967). *Laporan Tahunan, 1967*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1968). *Laporan Tahunan, 1968*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1969). *Laporan Tahunan, 1969*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1970). *Laporan Tahunan, 1970*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1971). *Laporan Tahunan, 1971*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1972). *Laporan Tahunan, 1972*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1973). *Laporan Tahunan, 1973*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1974). *Laporan Tahunan, 1974*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1975). *Laporan Tahunan, 1975*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1977). *Laporan Tahunan, 1976-1977*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JP [Jabatan Pelajaran]. (1980). *Laporan Tahunan, 1979-1980*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JPI [Jabatan Pengajian Islam]. (1996). *Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- JSUK [Jabatan Setia Usaha Kerajaan]. (1972). *Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Setia Usaha Kerajaan.
- JSUK [Jabatan Setia Usaha Kerajaan]. (1977). *Laporan Tahunan, 1977*. Bandar Seri Begawan: Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.
- Jumat, Ahmad Haji. (1989). "Bahasa Melayu (BM) Berkedudukan sebagai Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam". *Thesis Doktorat Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Juned, Pehin Haji Awg Abdul Aziz. (1992). *Islam di Brunei: Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah*. Bandar Seri Begawan: Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Tahta.
- Khaldun, Ibnu. (1982). *Muqoddimah Ibnu Khaldun (Suatu Pendahuluan)*. Jakarta: Penerbit Faizan, Terjemahan.
- KHEU [Kementerian Hal Ehwal Ugama] Brunei Darussalam. (2016a). "Haflut Takharrij (Majlis Konvokesyen) Kali ke-Tujuh Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah". Wujud secara online pula di: <http://brudirect.com/news.php?id=76428> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 20hb Mei 2025].
- KHEU [Kementerian Hal Ehwal Ugama] Brunei Darussalam. (2016b). "Senarai Sekolah Arab". Wujud secara online pula di: <http://www.kheu.gov.bn/SitePages/Senarai%20Sekolah%20Arab.aspx> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei

- Darussalam: 20hb Mei 2025].
- “Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan: 259 Graduan KUPUSB Diraikan, 2019”. Wujud secara online di: <http://brudirect.com/news.php?id=76428> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 20hb Mei 2025].
- KP [Kementerian Pendidikan] Brunei Darussalam. (2013). *Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21)*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- Lebar, Haji Mohd Salleh. (2014). *Sejarah dan Memori Terpilih Sekolah-sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Seri Begawan.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2024). “Pendaulation Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi di Negara Brunei Darussalam”. *Kertas Kerja Tidak Diterbitkan*. Copy fail ada pada Penulis. Wujud secara online pula di: https://www.researchgate.net/publication/313179870_Pendaulation_Bahasa_Melayu [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 19 September 2025].
- “Maklumat dari Pejabat Pendaftar dan Setiausaha UTB [Universiti Teknologi Brunei], 30 Mac 2020”. *Naskah Tidak Diterbitkan*, fail copy wujud pada Penulis.
- “Media Permata: 289 Graduan UNISSA Terima Ijazah dan Diploma, 30 August 2019”. Diambil semula daripada: <https://mediapermata.com.bn/289-graduan-unissa-terima-ijazah-dan-diploma/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 19 September 2025].
- Mohamed, Haji Muhaimin Haji. (2011). *Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, 1924-1950*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Muhammad, Zarina & Adlina Ab Halim. (2009). “Pemikiran Ibn Khaldun: Kupasan terhadap Pendidikan Awal Kanak-kanak” dalam *Pemikiran Ibn Khaldun: Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya] dan UPM [Universiti Putra Malaysia].
- Othman, Dayang Hajah Muhsinah binti Haji. (2013/2014). “Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa (1984-2007): Dari Perspektif Sejarah dan Isu-isu Mendasar”. *Thesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Latihan Penyelidikan Ijazah Sarjana dalam Pengajian Sejarah secara Kerja Kursus, Universiti Brunei Darussalam.
- “Penyata Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan Baru di Jajahan Tutong pada 27 Julai hingga 7 Ogos 1953”, *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis.
- “Penyata Lawatan Pegawai-pegawai Ugama Johor ke Sekolah-sekolah Melayu Negeri Brunei pada Tahun 1955 (Fail SCRWO 11/55) bertarikh 5 Februari 1955”, *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis.
- “Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1956-1958”, *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis, ms.iv.
- “Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama 1984”, *Dokumen Tidak Diterbitkan*, copy fail ada pada Penulis, ms.7.
- PESEBAR [Persatuan Sejarah Brunei]. (2020). *Melayu Islam Beraja: Amanat 1984*. Bandar Seri Begawan: Penerbit PESEBAR [Persatuan Sejarah Brunei].
- Rahman, Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul. (2007). *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Sjamsuddin, Helius. (2014). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- “Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

- Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Majlis Musabaqah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1440 Hijrah/ 2019 Masihi (Malam Ketiga), 10 Jamadilawal 1440/14 Februari 2019". Diambil semula daripada: <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=318&Source=http%3A%2F%2Fwww%2Ejpm%2Egov%2Ebn%2FLists%2FTitah%2FAllItems%2Easpx&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 19 September 2025].
- UBD [Universiti Brunei Darussalam]. (2003). *Jejak-jejak Kumpulan Kertas Kerja Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Osman*. Bandar Seri Begawan: Penerbit Universiti Brunei Darussalam.
- Umar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Haji Abdul Aziz. (2012). "Bilingual Education in Brunei Darussalam: A Stock Taking" dalam *Kemerdekaan 25 Tahun: Kumpulan Artikel Sejarah Memperingati 25 Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Penerbit PESEBAR [Persatuan Sejarah Brunei].
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].



Dasar Pendidikan di Brunei Darussalam

(Sumber: <https://www.google.com/search?q=Dasar+Pendidikan+di+Brunei+Darussalam>,
15/06/2026)

Negara Brunei Darussalam telah banyak mengalami transformasi pendidikan, yang bertolak dari pendidikan balai hingga sekarang. Sistem pendidikan balai secara perlahan telah pupus, yang kemudiannya diganti oleh pendidikan formal dengan kemunculan sekolah Melayu, Inggeris, dan Agama.